

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.11.2014**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan demi memupuk masyarakat madani dan intelek, sama ada bahan bacaan, buku, surat khabar dan buku kerja sekolah dapat dikecualikan daripada pembayaran cukai GST.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan pengumuman Bajet 2015 yang lalu, Kerajaan telah bersetuju untuk meluaskan skop barangan yang tidak dikenakan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Antara

penambahannya ialah surat khabar serta bahan bacaan seperti buku mewarna kanak-kanak, buku latihan, buku rujukan, buku teks, kamus, dan kitab agama.